

110,000 pesakit Covid-19 guna ubat antiviral Paxlovid

PETALING JAYA – Malaysia dijangka menerima ubat antiviral Paxlovid keluaran Pfizer dalam tempoh dua minggu lagi bagi merawat pesakit Covid-19 berisiko tinggi.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, perjanjian dengan syarikat farmaseutikal itu telah dimuktamadkan Februari lalu.

Katanya, kementerian akan menambah pembelian ubat berkenaan sekiranya ia terbukti berkesan merawat virus Covid-19.

“Mungkin dalam dua minggu lagi kita akan terima ubat itu, perolehan yang pertama kita telah beli untuk 110,000 pesakit dan akan diberi kepada golongan berisiko tinggi.

“Kalau kita dapati bahawa penggunaan ubat ini berkesan seperti mana maklumat yang telah kita terima, kita akan tambah pembelian ubat ini.

“Ada dua lagi yang mungkin kita akan beli, iaitu Molnupiravir dan satu lagi daripada AstraZeneca, itu belum muktamad,” katanya selepas Persidangan Tahunan ke-16 Dialisis 2022 anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) semalam.

Mengulas lanjut, Khairy memaklumkan, menerusi penggunaan ubat antiviral itu, negara



KHAIRY ketika berucap pada Persidangan Tahunan ke-16 Dialisis 2022 di Petaling Jaya, semalam.



Kalau kita dapati bahawa penggunaan ubat antiviral ini berkesan seperti mana maklumat yang telah kita terima kita akan tambah pembelian ubat ini.”

telah mempunyai ‘senjata’ baharu selain vaksin untuk beralih ke fasa endemik.

“Sebelum ini, tiada ubat antiviral, hanya vaksin sahaja.

“Jadi ‘senjata’ yang kita ada melawan pandemik ini semakin

banyak, ini mendorong saya terus menekankan proses pemulihan negara dan fokus Sistem Kesihatan Awam serta swasta, tidak hanya menumpukan kes Covid-19, tetapi bukan Covid-19 juga,” ujarnya.

Dalam pada itu di laman web CovidNow, jangkitan Covid-19 semalam melonjak kepada 33,209 kes, sekali gus tertinggi sejak pandemik tersebut dilaporkan di negara ini.

Ia kali kelima negara merekodkan kes melepasi angka 30,000 dengan kelmarin (32,467 kes), 25 Februari (30,644 kes), 24 Februari (32,070 kes) dan 23 Februari (31,199 kes).